

BAB KEENAM

PENUTUP

6.1 Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan Ibn Qayyim al-Jawziyyah adalah merupakan seorang *mujaddid* Islam pada zamannya. Ini berdasarkan usaha dan perjuangannya yang menekankan kemurnian 'aqidah di kalangan umatnya. Penekanan yang diutarakannya dalam persoalan ketuhanan ialah tentang konsep Tauhid dan Sifat-sifat Allah.

Analisa keseluruhan disertasi ini adalah seperti berikut :

- i. Ibn Qayyim hidup pada zaman di mana umat Islam baru sahaja selesai menghadapi serangan tentera Tartar dan Salib. Serentak dengan itu muncul beberapa aliran pemikiran yang cuba merosakkan pemikiran umat Islam seperti aliran Syi'ah dan seumpamanya. Lahirnya Ibn Qayyim pada masa itu adalah tepat pada waktunya di mana beliau telah berusaha mengajak umat Islam kembali menghayati al-Qur'an dan al-Sunnah dalam kehidupannya.
- ii. Ibn Qayyim telah meletakkan peranan akal sebagai hujjah kedua selepas nas bagi membuktikan konsep Tauhid dan Sifat-sifat Allah. Menurutnyanya akal hanya berperanan memperkukuhkan hujjah-hujjah yang dinyatakan melalui al-Qur'an dan al-Sunnah. Pendapat ini membezakan beliau dengan pandangan

Muktazilah yang meletakkan akal di tempat yang tinggi. Bagi Ibn Qayyim akal mestilah tidak bertentangan dengan nas. Secara fitrahnya, akal manusia telah pun mengetahui dengan jelas dan terang mengenai kesempurnaan Allah s.w.t. Oleh itu pengutusan Rasul-rasul menurut Ibn Qayyim adalah untuk mengingatkan kembali fitrah semulajadi manusia yang sudah mengenal Allah yang Maha Sempurna. Dengan ini akal yang sahlah adalah sesuai dengan wahyu dan ianya saling membenarkan antara satu sama lain.

- iii. Ibn Qayyim menerima ijmak para sahabat sebagai sumber rujukan dalam perbincangan tentang ketuhanan khususnya mengenai konsep Tauhid dan Sifat-sifat Allah. Beliau berkeyakinan bahawa para sahabat hanya memperkatakan sesuatu yang tidak bertentangan dengan nas al-Qur'an dan al-Sunnah. Beliau juga menerima ijmak para 'ulama' sebagai sumber kepada perbincangan tentang 'aqidah Islam. Ijmak mereka diterima sebagai sumber selepas daripada sumber-sumber dari nas al-Qur'an dan al-Sunnah.
- iv. Bagi memudahkan kefahaman penganut-penganut Islam tentang kekuasaan dan kesempurnaan Allah s.w.t, Ibn Qayyim telah menganjurkan supaya menganalisa dan memahami secara mendalam ayat-ayat al-Qur'an yang bersifat '*kawniyyah*'. Dengan membaca dan menganalisa ayat-ayat seumpama ini membuatkan manusia berfikir dan ingin meneruskan kajian yang lebih lanjut bagi membuktikan Allah maha berkuasa dan maha sempurna sifatNya. Inilah antara metode yang menunjukkan keistimewaan Ibn Qayyim di mana

beliau memberi peluang kepada akal untuk memerhatikan setiap ciptaan Allah s.w.t di alam bagi membuktikan kekuasaan dan kesempurnaanNya. Penggunaan akal hendaklah di bawah kawalan wahyu Allah s.w.t yang memperkukuhkan lagi perbezaan dalam penggunaan akal antara beliau dengan Mukhtazilah. Dengan ini akal yang waras dan jauh pandangan berserta penguasaan Bahasa 'Arab yang tinggi amat diperlukan untuk menyelaraskan antara ayat-ayat al-Qur'an dengan pemerhatian dan pengkajian terhadap alam semesta. Sehubungan dengan ini Ibn Qayyim sekolah-olah menggalakkan pembelajaran ilmu sains dan teknologi sebagai salah satu saluran untuk membuktikan ayat-ayat al-Qur'an yang membicarakan tentang *al-kawn*.

- v. Ibn Qayyim telah membahagikan tauhid kepada dua iaitu Tauhid *al-'Ilm* dan Tauhid *al-Qaṣḍi al-ʾIrādi*. Walau pun begitu perbahasan kedua-dua tauhid tersebut turut merangkumi ketiga-tiga tauhid sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn Taimiyyah iaitu Tauhid *Rububiyyah*, Tauhid *Uluhiyyah* dan Tauhid *Asmā' Wa al-Sifat*. Menurutnya perbahasan tentang tauhid adalah penting untuk memperkukuhkan keimanan serta membezakannya dengan pegangan golongan *musyrikin*.
- vi. Ibn Qayyim menegaskan bahawa tauhid yang menjadi teras kepada segala jenis tauhid ialah Tauhid *al-Qaṣḍi al-ʾIrādi*. Menurutnya tauhid ini menjadi pembeza antara golongan Islam dengan bukan Islam. Pada pandangan penulis, Ibn Qayyim memperkukuhkan lagi pendapat gurunya Ibn Taimiyyah.

- vii. Ibn Qayyim telah menggunakan metode yang dipakai oleh aliran salaf iaitu tidak mentakwil mana-mana ayat al-Qur'an dan al-Hadith yang *mutasyabihāt*. Beliau berpegang kuat kepada nas secara zahir. Walau pun Ibn Qayyim tidak mentakwil ayat-ayat tersebut tetapi beliau bukanlah 'ulama' yang berfahaman '*musyabbihah*' dan '*mujassimah*' kerana beliau tetap tidak menyamakan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk. Malah beliau menghukum kafir kepada sesiapa yang menyamakan antara sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk. Beliau mempunyai pendapat yang sederhana antara aliran *musyabbihah* dengan aliran yang mentakwilkannya. Ini bermakna beliau berpendapat semua ayat-ayat sifat adalah *muhkamāt* dari segi maknanya. Oleh itu tidak ada ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith yang *mutasyabihāt* dari segi maknanya khususnya yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah s.w.t.
- viii. Ibn Qayyim berpendapat bahawa segala nama-nama Allah adalah merujuk kepada sifat-sifat Allah. Beliau berhujjah jika nama-nama Allah juga '*husna*' maka sifat-sifatnya juga '*husnā*' kerana Allah itu Maha Sempurna. Menurutnya, sifat-sifat Allah mestilah diterima, dibenarkannya tanpa mempersoalkan bentuknya. Oleh itu beliau tidak membahagikan sifat-sifat Allah kepada sifat-sifat *nafsiyyah*, *salbiyyah*, *ma'āni* dan *maknawiyah*.

- ix. Ibn Qayyim mengakui keimanan seseorang akan gugur dan menjadi murtad sekiranya ingkar terhadap Tauhid *al-`Ilm*, *al-Qaṣḍī al-Irādī* dan ingkar kepada ajaran serta perutusan para Rasul.
- x. Ibn. Qayyim mempunyai persamaan dengan pendapat `ulama' Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah termasuk Imam Abu Hasan al-Asy'ari khususnya berkaitan dengan sifat-sifat Allah. Ini terbukti jika dilihat pendapat Ibn Qayyim dan dibandingkan dengan penulisan Imam Abu Hasan al-Asy'ari dalam kitab *al-Ibānah* dan *al-Maqālaat*. Banyak persamaan yang dapat dilihat antara keduanya. Penulis berpendapat demikian kerana Imam Abu Hasan al-Asy'ari hidup lebih awal daripada Ibn Qayyim dan pendapatnya turut diperakui oleh Ibn Qayyim dalam kitab-kitabnya seperti *Ijtima' al-Juyush `ala Ghazw al-Jahmiyyah wa al-Mu`attilah* serta *Syarh al-Qaṣīdah al-Nuniyah*.
- xi. Penulis memasukkan perbincangan tentang *Ru'yah* Allah sebahagian daripada tajuk sifat-sifat Allah kerana ianya antara bukti yang menunjukkan Allah adalah Tuhan yang Sempurna dan Maha Agung samada dari dhat, sifat dan perbuatan. Perbincangan tentang perkara ini juga menunjukkan banyak persamaan antara Ibn Qayyim dengan Imam Abu Hasan al-Asy'ari.

6.2 Cadangan-cadangan

Bagi memudahkan kajian ini diterima dalam bentuk pelaksanaan, penulis menyenaraikan beberapa cadangan untuk diberikan perhatian semua pihak. Antaranya:

- i. Konsep tauhid yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah perlu dijadikan sebagai asas dalam pembentukan kurikulum pengajian samada di peringkat menengah dan universiti. Ianya bertujuan untuk mengelakkan salah faham pelajar tentang keesaan Allah s.w.t. Tambahan pula para pelajar hari ini terdedah dengan pelbagai kefahaman samada berbentuk falsafah dan seumpamanya bila berbicara tentang konsep tauhid. Dengan kurikulum sebegini ianya dapat mengelakkan berbagai salah faham terhadap konsep tauhid dan seterusnya boleh mengelakkan wujudnya kekeliruan keesaan Allah s.w.t.
- ii. Konsep sifat-sifat Allah sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah perlu disebarkan kepada anggota masyarakat secara meluas agar salah faham masyarakat tentang perkara ini dapat dielakkan. Ramai anggota masyarakat hari ini beranggapan sifat-sifat yang wajib bagi Allah hanyalah setakat dua puluh sifat sahaja sedangkan apa yang sebenarnya sifat-sifat Allah itu banyak, hanyalah Allah yang mengetahuiNya. Malah menurut Ibn Qayyim semua nama-nama Allah adalah merujuk kepada sifat-sifat Allah s.w.t.

- iii. Pihak-pihak berwajib dalam urusan agama samada di peringkat pusat atau negeri-negeri perlu mengadakan lebih banyak seminar dan muzakarah tentang konsep ketuhanan khususnya mengenai tauhid dan sifat-sifat Allah. Ianya bertujuan untuk mengelakkan perbezaan pendapat mengenai masalah dasar dalam 'aqidah Islamiyyah. Semua permasalahan begini perlu merujuk kepada sumber asas iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.
- iv. Pihak kerajaan dicadangkan supayaewartakan pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* sebagai pegangan umat Islam di Malaysia dalam 'aqidah. Konsep tauhid dan sifat-sifat Allah sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah termasuk sebahagian daripada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Mewartakan pegangan ini sebagai dasar 'aqidah bertujuan untuk mengelakkan aliran-aliran lain meresap masuk ke dalam negara dan menjadi pegangan sebahagian daripada umat Islam. Keadaan sebegini boleh menyebabkan berlakunya perpecahan dalam masalah 'aqidah sepertimana yang berlaku di Pakistan dan India hingga berlaku pertumpahan darah kerana perbezaan 'aqidah antara *Sunni* dan *Syi'ah*. Dengan cara ini umat Islam di Malaysia boleh bersatu dari segi 'aqidah dan mengelakkan perpecahan dari segi masalah dasar iaitu 'aqidah.
- v. Ahli-ahli akademik dicadangkan agar membanyakkan penulisan tentang masalah tauhid dan sifat-sifat Allah menurut Ibn Qayyim dan lain-lain 'ulama yang sealiran dengannya dalam Bahasa Melayu. Penulis mendapati karya-karya tentang persoalan ini dalam Bahasa Melayu masih berkurangan. Mereka

juga disarankan agar menggiatkan lagi untuk membuat penyelidikan terhadap ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh tentang *al-kawn*. Ini bertujuan untuk memudahkan masyarakat memahami ayat-ayat tersebut dalam konteks kajian semasa dan seterusnya dapat membuktikan bahawa al-Qur'an sebenarnya telah mendahului zaman dari segi fakta. Dengan ini jelas dapat dibuktikan bahawa Allah s.w.t. adalah Tuhan yang maha mengetahui dan berkuasa di atas segala-galanya. Ini boleh mendorong para pengkajinya menjadi semakin bertaqwa kepada Allah s.w.t.

- vi. Dicapangkan agar pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mengusahakan penterjemahan karya-karya besar tentang 'aqidah yang ditulis oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah seperti kitab *Mukhtaṣar al-Ṣawāiq al-Mursalah 'ala al-Jahmiyyah wa al-Mua'ttilah*, *Syarh al-Qaṣīdah al-Nuniah*, *al-Fawaid*, *Madārij al-Sālikin baina Manāzil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in* dan lain-lain lagi. Setakat penelitian penulis, masih belum ada karya-karya tersebut diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Terjemahan yang ada hanyalah dalam Bahasa Indonesia.
- vii. Akhirnya penulis mengharapkan semoga hasil penelitian dan kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat Islam seluruhnya. Diharapkan juga semoga segala tohmahan yang tidak tepat kepada Ibn Qayyim dan para al-Salaf al-Soleh dapat diperbetulkan melalui beberapa penelitian yang dibuat dalam kajian ini. Penulis sudah dengan harapan mendapat taufik dan hidayah daripada Allah s.w.t.